

# DAP sokong Tun M jadi PM ke-9

m/s: 6

Sinar Harian - 18/6/2020

Anwar Ibrahim pula dinamakan sebagai Timbalan Perdana Menteri

Oleh JUNHAIRI ALYASA

**SHAH ALAM**



**DR MAHATHIR**



**ANWAR**



**ANTHONY**

pakatan politik itu, namun tiada kata putus diumumkan setelah tamatnya mesyuarat selama kira-kira tiga jam itu.

Bagai-

manapun, Ketua Setiausaha PH, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, perbincangan mengenai calon Perdana Menteri PH yang sepatutnya diumumkan kelmarin masih belum dimuktamadkan dan akan diumumkan selepas keputusan dicapai.

Dalam pada itu, Anthony berkata, Dr Mahathir mencadangkan beliau diberi tempoh enam bulan untuk memimpin sebelum menyerahkan pentadbiran negara kepada Anwar.

“Bagi kami, dua pilihan telah pun dibincangkan oleh PH dan pendirian alternatif (*fallback position*) kami adalah untuk Mahathir memimpin dan kemudian Anwar mengambil alih selepas satu sela masa.

“Selepas keputusan itu, kami memutuskan bahawa kini terpujang kepada Anwar sama ada beliau setuju atau tidak. Tarikh akhir sepatutnya semalam (kelmarin). Setakat ini kami belum mendengar apa-apa keputusan daripadanya,” kata beliau.

**D**AP telah membuat keputusan untuk menyokong Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai calon Perdana Menteri Pakatan Harapan (PH) sementara Datuk Seri Anwar Ibrahim dinamakan sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Menurut Setiausaha Organisasi DAP, Anthony Loke, parti itu sudah membuat keputusan dan mahu Parti Keadilan Rakyat (PKR) untuk membuat keputusan dengan segera.

Jelas beliau, adalah penting untuk PKR menyatakan sama ada parti itu bersetuju atau tidak dengan cadangan tersebut.

“Perlu ada hala tuju yang jelas berkenaan langkah ke hadapan. Tidak boleh ada ketidakpastian. Sebaik saja kita buat keputusan, kita boleh melangkah ke depan. Inilah pendirian DAP.

“Kami memutuskan untuk bercakap (secara terbuka) hari ini (semalam) kerana kami mahukan keputusan. Kami mahu tarikh akhir ditepati dan tidak mahu sebarang

kepimpinan yang tidak tegas dalam PH,” katanya menerusi satu wawancara eksklusif dengan portal *Malaysiakini* di sini semalam.

Selasa minggu lalu, satu mesyuarat bersama pimpinan PH Plus berlangsung di ibu pejabat PKR dipengerusikan Anwar selaku Presiden PKR dengan panel utama terdiri daripada Dr Mahathir dan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng.

Turut menyertai mesyuarat itu ialah Presiden Parti Amanah Negara (Amanah), Mohamad Sabu dan Presiden Parti Warisan Sabah (Warisan), Datuk Seri Mohd Shafie Apdal selain kepimpinan tertinggi setiap parti dalam PH.

Perbincangan dikatakan berkisar mengenai pendirian setiap parti dalam PH berhubung soal mendapatkan semula mandat rakyat.

Dilaporkan perbincangan itu menampakkan kemajuan yang positif.

Mesyuarat itu juga dikatakan bagi mencapai persetujuan bersama berhubung calon Perdana Menteri